



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil 12/2010

TATACARA PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk mengeluarkan Tatacara Perolehan Secara Sebutharga yang boleh digunakan bagi semua sebutharga Bekalan/Perkhidmatan dan Kerja.

2.0 LATAR BELAKANG

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 (SPP Bil. 5/2009) berkenaan Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebutharga. Peraturan sebelum ini menetapkan bahawa perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM200,000.00 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar Harga bernilai melebihi RM20,000.00 hingga RM200,000.00 hendaklah dilaksanakan secara sebutharga. Sebagai langkah untuk merangsang ekonomi Negara dan mempercepatkan pelaksanaan perolehan, had nilai perolehan secara sebutharga dinaikkan daripada RM200,000.00 kepada RM500,000.00.

Pihak Jabatan telah mengeluarkan satu Garis Panduan Perolehan Kerja Secara Sebutharga melalui Surat Pekeliling JPS Bil. 3/2004 bertarikh 24 Disember 2004. Satu pindaan kepada garis panduan tersebut telah dibuat melalui SP JPS Bil. 6/2008 bertarikh 11 November 2008. Walau bagaimanapun garis panduan tersebut hanya merangkumi perolehan sebutharga bagi Kerja sahaja.

3.0 TATACARA YANG DIKELUARKAN

Selaras dengan penguatkuasaan SPP Bil. 5/2009 yang dinyatakan di atas, Jabatan dengan ini mengeluarkan Tatacara Perolehan Sebutharga yang merangkumi perolehan Bekalan/Perkhidmatan dan perolehan Kerja.

4.0 KUATKUASA

4.1 Tatacara Perolehan Secara Sebutharga JPS yang baru ini boleh dimuat turun melalui Info.Portal JPS. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dan terpakai bagi semua perolehan secara sebutharga.

4.2 Dengan pengeluaran SPJPS ini, SPJPS Bil. 3/2004 dan SPJPS Bil. 6/2008 adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”



(DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

11 November 2010